

Vaksin tangani

penularan beguk



Oleh **NAJIBAH HASSAN**



ADA wajarnya saranan supaya kita menutup mulut ketika batuk atau bersin. Selain ia dilihat kurang beretika ketika berdepan dengan orang lain, titisan air liur yang keluar dari mulut seseorang boleh mendedahkan orang lain mendapat jangkitan.

Dengan erti kata lain ia menjadi medium kepada penyebaran penyakit. Lebih-lebih lagi jika virus itu menjadikan manusia sebagai perumahannya.

Penyakit beguk yang menyebabkan pembengkakan dan kesakitan pada kelenjar parotid, misalnya, disebarkan melalui air liur individu yang dijangkiti.

Lebih buruk lagi jika titisan air liur yang tercemar itu bertebaran di atas permukaan dan kemudian disentuh oleh orang lain.

Air liur yang tercemar dan berada di luar tubuh manusia ini masih boleh bertahan dalam masa beberapa jam dan hari.

"Di sekolah, misalnya, ada banyak peralatan dan permukaan seperti meja, suis lampu, tumbol pintu yang kesemua ini melibatkan sentuhan. Atas sebab itulah, jika berlaku wabak penyakit beguk penularannya agak sukar dikawal," jelas Pakar Perubatan Keluarga, Poliklinik Warga, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Anis Ezdiana Abdul Aziz.

Baru-baru ini 70 pelajar dan tiga guru Sekolah Menengah Agama (SMA) Kuala Lipis di Pahang disahkan mendapat jangkitan beguk sejak 20 Februari lalu. Pada September tahun lalu, 11 murid Sekolah Kebangsaan Presint 11, Putrajaya menghidap penyakit yang sama.

Beguk merupakan sejenis penyakit ringan yang disebabkan oleh *Paramyxovirus* (RNA). Penyakit yang berjangkit melalui titisan daripada mulut, hidung dan tekak ini boleh berjangkit selepas tiga atau empat hari

BEGUK dianggap penyakit ringan dan lazimnya dialami oleh kanak-kanak tetinggi jangan ambil remeh berhubung komplikasinya.

selepas pembengkakan bermula.

Meskipun penyakit ini kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak, namun orang dewasa tidak terkecuali.

Sesetengah individu yang dijangkiti tidak menunjukkan sebarang gejala pada peringkat awal. Namun mereka boleh mengalami demam, sakit kepala, mulut kering, hilang selera makan, keletihan atau pembengkakan pada salah satu atau kedua-dua kelenjar parotid.

Meskipun ia penyakit yang ringan dan pulih selepas mendapat rawatan sokongan,

berita buruknya ialah ia boleh mendedahkan pesakit kepada komplikasi. Antaranya ialah ensefalitis radang otak, meningitis; radang pada selaput otak, orchitis; radang pada buah zakar sebanyak 25 peratus terutama kepada pesakit yang sudah baligh, pankreatitis; radang pankreas, ovaritis; radang ovari sebanyak lima peratus dan kepekakan. Justeru, cara terbaik untuk mengengkangnya ialah dengan pengambilan vaksin.

Pengenalan vaksin campak, beguk dan rubela (MMR) mencatatkan banyak penurunan

“ Mereka yang tidak mendapat vaksin berisiko sembilan kali ganda untuk dijangkiti beguk berbanding mereka yang mengambil vaksin

kes-kes penyakit tersebut. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan bilangan kematian akibat campak turun sehingga 74 peratus iaitu dari 535,300 kepada 139,300 dalam tempoh sedekad sejak tahun 2000.

Vaksin

Sejak hampir 47 tahun lalu, vaksin MMR memainkan peranan yang sangat penting dalam melindungi manusia di seluruh dunia. Keberkesanannya mendorong Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memperkenalkan vaksin MMR pada tahun 2002. Sejak dua tahun lalu, vaksin ini diberi kepada bayi yang berumur sembilan bulan dan dos kedua pada umur 12 bulan.

Anis Ezdiana tidak menolak kemungkinan penularan beguk kebelakangan ini kerana sikap segelintir ibu bapa yang enggan memvaksinkan anak-anak mereka.

"Mereka yang tidak mendapat vaksin berisiko sembilan kali ganda lebih mudah dijangkiti beguk berbanding mereka yang mengambil vaksin.

"Disebabkan vaksin beguk memberi 88 peratus perlindungan, jadi cara terbaik ialah seboleh-bolehnya lebih ramai dapat divaksinkan," katanya.

Sekurang-kurangnya, setiap individu dinasihatkan supaya mendapatkan dua dos vaksin bagi memberi perlindungan daripada penyakit ini. Kaedah terbaik mengengking penularan beguk ialah pesakit dinasihatkan supaya mengasingkan diri daripada orang ramai.



ANIS EZDIANA